

CNS4470

U GB 11-01 00186 BH078

bah

Mahathir - Royalti

KERAJAAN PERSEKUTUAN TIDAK TERIKAT DENGAN ROYALTI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan persekutuan tidak terikat dengan syarat pembayaran royalti tahunan sebanyak RM10,000 kepada Kedah kerana penyerahan Seberang Perai kepada Pulau Pinang pada lewat tahun 1700-an.

Katanya, royalti itu hanya merupakan syarat yang dipersetujui antara kerajaan Inggeris dengan Sultan Kedah kerana menyerahkan daerah tersebut kepada pentadbiran Inggeris di Pulau Pinang.

"Kalau hendak kira boleh berhenti (membuat pembayaran itu). Kita tidak terikat dengan perjanjian Inggeris (dan Sultan Kedah) dahulu," katanya ketika ditanya pemberita selepas melawat Sekolah Menengah Datuk Lokman di Kampung Pandan, di sini hari ini.

Kelmarin, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Dr Ibrahim Saad mencadangkan kerajaan persekutuan menghentikan pembayaran royalti yang disifatkannya sebagai tidak sesuai dengan keadaan semasa kerana Kedah, Pulau Pinang dan Seberang Perai sudah lama menjadi sebahagian daripada Malaysia.

Dr Ibrahim membuat cadangan itu berikutan kenyataan Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff baru-baru ini yang meminta kerajaan persekutuan menaikkan bayaran berkenaan kepada RM10 juta setahun. -- lagi

▼11/01/15-07MST

U GB 11-01 00168 BH079

bah

Mahathir - Royalti 2 Kuala Lumpur

Isu royalti itu dibangkitkan oleh seorang anggota UMNO Bahagian Kubang Pasu, Kedah, yang diketuai Dr Mahathir, pada persidangan perwakilannya September lepas.

Osman yang juga Timbalan Ketua UMNO bahagian itu, ketika menyokong cadangan berkenaan berkata, jika royalti itu dinaikkan kepada RM10 juta setahun, yang merupakan nilai sebenar RM10,000 sekarang, ia boleh digunakan untuk pelbagai projek pembangunan di Kedah.

"Timbalan saya (Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu) bercakap bagi pihak Kedah. Saya kena cakap bagi pihak kerajaan persekutuan yang akan membayar," kata Dr Mahathir ketika diminta mengulas cadangan itu yang dikemukakan oleh UMNO Bahagian Kubang Pasu dan kerajaan negeri Kedah.

Pada kebiasaannya, kata Perdana Menteri, pihak yang membayar tidak suka membayar lebih daripada yang ditetapkan manakala pihak yang menerima sudah pasti mahukan lebih daripada biasa.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak bersetuju dengan pendapat Osman kerana kerajaan persekutuan sudah banyak memberi peruntukan kepada negeri Kedah tanpa mengambil kira soal sewa ataupun perkara-perkara lain. -- lagi

▼11/01/15-10MST

CNS4474

U GB 11-01 00139 BH080

bah

Mahathir - Royalti 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Yang ini (pembayaran royalti) syarat sahaja... Sewa itu (pembayaran royalti) adalah sejarah dan kita cuma langsunkan (sambung) sejarah sahaja. Tidak ada makna lagi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan persekutuan tetap akan meneruskan tradisi membayar royalti berkeajaan dan jika pembayaran itu dibuat sebagai memenuhi tradisi, jumlah yang akan dibayar juga dikekalkan sebanyak RM10,000 setahun mengikut tradisi.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, kerajaan negeri Kedah tidak sepatutnya meminta pembayaran royalti seumpama itu sekarang kerana kerajaan persekutuan sudah banyak memberi peruntukan lain kepada negeri berkeajaan.

Mengikut sejarah, persetujuan antara Sir Prancis Light, pengasas kerajaan Inggeris di Pulau Pinang, dan Sultan Kedah pada ketika itu ialah pihak Inggeris akan membayar royalti RM10,000 setahun kepada kerajaan negeri Kedah "selagi ada bulan dan bintang". -- Bernama.

AH STA

▼11/01/15-11MST